

UMP UNGGULI KEJOHANAN BOLA JARING UMP 2017



Kuantan, 12 Mac - Universiti Malaysia Pahang (UMP) muncul johan dalam Kejohanan Bola Jaring UMP 2017 setelah menewaskan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Muadzam Shah dengan 14-9 pada perlawanan yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang. Walaupun, angka jaringan UNITEN pada permulaan perlawanan memberikan saingan yang mendebarkan tetapi nyata dapat ditandingi oleh UMP berikutan momentum dan fokus yang ditunjukkan pemain memudahkan laluan untuk membenam pasukan lawan.

Aksi cemerlang UMP merangkul gelaran juara bagi kategori IPT dan telah melayakkan pasukan meraih wang tunai berjumlah RM1,000 beserta medal manakala UNITEN selaku naib juara membawa pulang wang tunai berjumlah RM750. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan selaku pasukan yang berada di tempat ketiga menerima wang tunai sebanyak RM400 dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang menduduki tempat keempat turut menerima wang tunai sebanyak RM300.

Bagi kategori terbuka, tuah telah menyebelahi AID Penang apabila jaringan yang dibuat melebihi 3 mata sehingga melayakkan pasukan AID Penang dinobatkan sebagai juara sekaligus mengungguli hadiah wang tunai berjumlah RM2,000 beserta medal mengalahkan Parlimen Maran sebagai naib juara disamping memenangi wang tunai berjumlah RM1,500. Habriel 66 NC di tempat ketiga manakala T.Team di kedudukan keempat iaitu masing-masing menerima wang tunai berjumlah RM700 dan RM400 beserta medal.



Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Hj. Safie berkata, sambutan positif pembuka tirai kejohanan dilihat melalui penyertaan 15 pasukan dari kategori IPT dan 15 pasukan dari kategori terbuka.

"Kejohanan ini dianjurkan buat julung kali oleh Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang bertujuan memperkenalkan UMP sebagai pusat pembangunan sukan universiti sekaligus mengetengahkan kemeriahinan Tahun Melawat Pahang 2017," katanya yang hadir dalam Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang.

Selain itu, penganjuran ini memberi peluang mahasiswa mengasah bakat dalam acara sukan yang dipertandingkan serta dapat mengeratkan hubungan baik dengan komuniti menerusi acara sukan yang dipertandingkan. Pihaknya juga bakal mengadakan pelbagai acara sukan antaranya Kejohanan Petanque Double Remaja Terbuka UMP 2017 yang bakal diadakan pada 18 dan 19 Mac di UMP Pekan.



Beliau berharap kejohanan seperti ini dapat diadakan pada setiap tahun serta sejajar dengan potensi atlet IPT yang semakin menyerlah di samping menyahut seruan Kerajaan untuk melahirkan modal insan dalam bidang sukan.

Pihaknya menghargai sokongan penaja terutamanya pihak Red One Communication dan juga Persatuan Bola Jaring Negeri Pahang dalam menjayakan Kejohanan Bola Jaring UMP 2017 pada kali ini.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan Exco Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang merangkap Presiden Persatuan Bola Jaring Negeri Pahang, Dato' Hajjah Shahaniza Shamsuddin diiringi isteri Naib Canselor UMP, Datin Fazia Ali.

Disediakan oleh Nurul Intan Syafinaz dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 16-03-2017, 09:27:55